



Privacy notice Pemberitahuan privasi

Department of Home Affairs (Jabatan EHWAL Dalam Negeri) (Jabatan) merangkumi Australian Border Force (Pasukan Sempadan Australia).

Privacy Act 1988 (Akta Privasi 1988) (Akta Privasi) mewajibkan Jabatan agar memberitahu anda beberapa perkara tertentu apabila memungut maklumat peribadi tentang diri anda.

Jabatan telah menerbitkan Privacy Policy (Dasar Privasi) yang mengandungi penerangan tentang pendekatannya untuk mematuhi Australian Privacy Principles (Prinsip Privasi Australia) yang dibentangkan dalam Akta Privasi dan khususnya tentang:

- cara dan mengapa kami mengumpulkan maklumat peribadi tentang anda
- cara anda boleh mengakses maklumat peribadi tentang anda yang dipegang oleh Jabatan
- cara anda boleh meminta pembetulan maklumat tersebut
- cara anda boleh membuat aduan tentang pelanggaran Australian Privacy Principles, dan cara Jabatan mengendalikan aduan sedemikian.

Dasar Privasi dapat dibaca di:

<https://www.homeaffairs.gov.au/access-and-accountability/our-commitments/privacy>

Selain itu, banyak borang kami yang anda mungkin isikan untuk tujuan tertentu memang mengandungi notis khusus tentang pengumpulan kami dan apa yang kami lakukan dengannya. Anda juga mungkin diberikan notis pengumpulan khusus semasa menggunakan sesuatu khidmat atau memberikan maklumat peribadi anda kepada Jabatan.

Privacy Notice (Pemberitahuan Privasi) ini menjelaskan pemungutan maklumat peribadi oleh Jabatan, dan melengkapi kandungan pemberitahuan khusus tersebut (jika berkenaan).

Jabatan - siapa kami/apa yang kami lakukan

Jabatan bertanggungjawab atas izin masuk dan migrasi (termasuk keselamatan sempadan, serta urusan kemasukan, penginapan dan keberangkatan pelawat bukan warganegara); kastam dan kawalan sempadan (kecuali kuarantin dan pemeriksaan); kewarganegaraan; hal ehwal etnik; dasar dan operasi penguatkuasaan undang-undang; dasar dan operasi keselamatan negara; hal ehwal berbilang budaya; dasar dan penyelarasan keselamatan pelindung; perkhidmatan pelindung di badan-badan Persekutuan serta premis diplomatik dan konsul di Australia; perpaduan sosial; keselamatan pengangkutan; dasar dan penyelarasan keselamatan siber; jenayah siber; perlindungan dan penyelarasan infrastruktur kritikal; pengurusan darurat Persekutuan; urusan bagi penempatan migran dan pendatang kemanusiaan; pendidikan migran dewasa; serta segala dasar bantuan, pemulihan dan mitigasi bahaya serta bantuan kewangan.

Butiran kontak

Butiran kontak penuh boleh didapati di laman web Jabatan www.homeaffairs.gov.au

Jika percaya anda ada sungutan atau maklum balas tentang pengumpulan atau pengendalian maklumat peribadi anda:

- lengkapkan borang maklum balas dalam talian di www.homeaffairs.gov.au/feedback or

- tulis surat kepada: The Manager
Global Feedback Unit
GPO Box 241
Melbourne VIC 3001
Australia

Pengumpulan maklumat peribadi

Apakah maklumat peribadi?

Menurut Akta Privasi, maklumat peribadi ialah maklumat atau pendapat tentang seorang individu yang dikenal pasti atau yang secara munasabah dapat dikenal pasti (sama ada benar atau direkodkan dalam bentuk material atau tidak).

Kami juga mengumpulkan maklumat sensitif, iaitu sebahagian daripada maklumat peribadi yang ditakrifkan sebagai maklumat atau pendapat di bawah Akta Privasi, yang juga maklumat peribadi, tentang asal usul kaum atau etnik, pendapat politik, keahlian badan politik, pegangan agama atau keahlian badan agama, pegangan falsafah, keahlian badan profesional atau kejuruan, keahlian kesatuan sekerja, orientasi atau amalan seksual, dan rekod jenayah. Maklumat sensitif juga termasuk maklumat kesihatan dan maklumat genetik tentang individu, dan maklumat biometrik tertentu. Maklumat biometrik termasuk salinan elektronik wajah, cap jari, iris, tapak tangan, tandatangan atau suara anda.

Perundangan yang berkuat kuasa bagi Jabatan juga khusus melindungi beberapa jenis maklumat tertentu yang mungkin juga maklumat peribadi, antara lain seperti data pengenalan pasti diri (seperti ditakrifkan dalam *Migration Act 1958 (Akta Migrasi 1958)* dan *Australian Citizenship Act 2007 (Akta Kewarganegaraan Australia 2007)*), serta maklumat Imigresen dan Perlindungan Sempadan (seperti ditakrifkan dalam *Australian Border Force Act 2015 (Akta Pasukan Sempadan Australia 2015)*).

Untuk penerangan lanjut khusus tentang data pengenalan pasti diri, lihat borang 1243i Your personal identifiers di <https://immi.homeaffairs.gov.au/form-listing/forms/1243i.pdf>

Daripada siapa kami memungut maklumat peribadi anda?

Lazimnya, kami akan memungut maklumat peribadi secara langsung daripada anda atau orang yang diberi kuasa oleh anda (contoh, ejen atau doktor anda). Kami juga mengumpulkan maklumat peribadi anda melalui platform ImmiAccount dan VEVO.

Dalam sesetengah situasi, data peribadi mungkin dipungut daripada anda melalui sistem automatik. Misalnya, Jabatan menggunakan sistem SmartGate di lapangan terbang antarabangsa yang memungut maklumat peribadi (seperti imej wajah) daripada anda.

Kami juga memungut maklumat peribadi daripada pelbagai agensi Kerajaan Australia, negeri dan wilayah (terutama agensi penguatkuasa undang-undang) serta kerajaan asing di bawah pelbagai undang-undang Australia atau perjanjian dalam negeri atau antarabangsa.

Kami juga mengumpulkan Data Single Touch Payroll (STP) anda daripada Pejabat Percukaian Australia (ATO) untuk mengukuhkan integriti Temporary Skilled Visa Program (Program Visa Mahir Sementara).

Maklumat peribadi juga dikumpulkan dan digunakan bagi pihak kami oleh pembekal perkhidmatan berkontrak. Contohnya termasuk khidmat sokongan untuk tahanan imigresen, khidmat perubatan, penyediaan Adult Migrant English Program (Program Bahasa Inggeris Migran Dewasa AMEP) dan kumpulan sokongan komuniti yang terlibat dengan Community Refugee Integration and Settlement Program (Program Integrasi dan Penempatan Pelarian Komuniti CRISP). Jabatan mewajibkan semua kontraktor mematuhi Akta Privasi sama ada berada di Australia atau di luar negara.

Kami juga mungkin memungut maklumat peribadi tentang anda yang tersedia dalam media cetak dan digital awam.

Jika ada perubahan status perhubungan anda atau dakwaan Keganasan Rumah Tangga dan Keluarga (DFV), hal ini boleh membawa perubahan pada cara kami menguruskan maklumat peribadi anda.

Pemungutan maklumat peribadi anda yang diwajibkan atau diberi kuasa oleh undang-undang

Jabatan mempunyai berbagai-bagai fungsi dan kuasa berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan pendedahan maklumat peribadi, kebanyakannya ditetapkan dalam undang-undang Persekutuan yang khusus. Di samping itu, pemungutan maklumat peribadi oleh Jabatan mematuhi Akta Privasi.

Berikut adalah ringkasan undang-undang yang menentukan cara kami biasanya memungut maklumat peribadi.

***Migration Act 1958 (the Migration Act)* (Akta Migrasi 1958 (Akta Migrasi))**

Kami diberi kuasa di bawah Akta Migrasi untuk mengumpulkan maklumat peribadi dan, dalam keadaan tertentu, data pengenalan diri (antara lain seperti cap jari atau cap tangan, foto wajah seseorang, atau tandatangan). Sebagai contoh, maklumat ini boleh dikumpulkan:

- untuk permohonan visa
- berkaitan dengan kuasa menggeledah dan menyita di bawah Akta Migrasi, atau
- apabila seseorang individu masuk atau meninggalkan Australia (contohnya, passport atau visa atau bukti pengenalan diri).

***Australian Citizenship Act 2007 (the Australian Citizenship Act)* (Akta Kewarganegaraan Australia 2007 (Akta Kewarganegaraan Australia))**

Kami diberi kuasa di bawah Akta Kewarganegaraan untuk memungut maklumat peribadi (termasuk data pengenalan diri) bagi memastikan seseorang individu memenuhi syarat-syarat kewarganegaraan.

***Immigration (Guardianship of Children) Act 1946 (the IGOC Act)* (Akta Imigresen (Hak Penjagaan Kanak-kanak) 1946 (Akta IGOC))**

Di bawah Akta IGOC dan peraturannya, Menteri adalah waris kanak-kanak tertentu bawah umur bukan warganegara dan tidak ditemani, yang tiba di Australia tanpa ibu bapa atau saudara mara berumur 21 tahun ke atas (dikenali sebagai IGOC Minor). Untuk membantu memenuhi tanggungjawab sebagai waris, Akta IGOC membenarkan Menteri mewakilkan kuasa dan fungsinya sebagai waris kepada pegawai Kerajaan Australia atau negeri/wilayah (disebut IGOC delegates). Orang atau organisasi yang bersedia dan sesuai juga boleh dilantik sebagai custodian (penjaga) seorang IGOC Minor. Pada umumnya, penjaga mesti menyediakan kebajikan dan penjagaan kanak-kanak yang dijaga. Demi menjamin kebajikan dan penjagaan kanak-kanak di bawah Akta IGOC, Jabatan memungut maklumat peribadi tentang IGOC Minor serta penjaga mereka. Jika perlu dan sejajar dengan Akta Privasi, Jabatan boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada, dan memungut maklumat daripada, pihak berkuasa negeri/wilayah termasuk agensi kebajikan kanak-kanak, IGOC delegates, penjaga, ibu bapa, pengasuh, saudara mara dan agensi Kerajaan Australia yang lain.

Customs Act 1901 (Customs Act) (Akta Kastam 1901 (Akta Kastam))* dan *Excise Act 1901 (Excise Act) (Akta Eksais 1901 (Akta Eksais))

Jabatan memungut pelbagai maklumat peribadi di bawah Akta Kastam dan Akta Eksais dalam peranan kami melindungi sempadan Australia dan memastikan kutipan hasil mahsul sempadan. Ini termasuk maklumat berkaitan penumpang serta awak kapal dan kapal terbang yang tiba.

***Maritime Powers Act 2013 (Maritime Powers Act)* (Akta Kuasa Maritim 2013 (Akta Kuasa Maritim))**

Kami diberi kuasa di bawah Akta Kuasa Maritim untuk memungut maklumat peribadi dalam melaksanakan kuasa maritim. Kuasa tersebut menyokong penguatkuasaan undang-undang berkaitan maritim Australia, termasuk penangkapan ikan secara haram oleh warga asing, kastam, anti keganasan maritim, migrasi, kuarantin dan pengedaran dadah, serta perjanjian dan urusan antarabangsa di laut.

***Immigration (Education) Act 1971 (Immigration (Education) Act)* (Akta Imigresen (Pendidikan) 1971) (Akta Imigresen (Pendidikan))**

Kami, serta pembekal AMEP bagi pihak Jabatan, diberi kuasa untuk memungut pelbagai maklumat peribadi demi memastikan seseorang individu memenuhi syarat kelayakan AMEP di bawah Akta Imigresen (Pendidikan).

Pengumpulan maklumat peribadi anda di bawah Akta Privasi

Akta Privasi mengiktiraf bahawa maklumat peribadi (termasuk maklumat sensitif) boleh dipungut oleh Jabatan di bawah undang-undang Australia – seperti contoh di atas.

Akta Privasi juga memperuntukkan bahawa maklumat peribadi selain daripada maklumat sensitif boleh dikumpulkan jika secara munasabah perlu untuk salah satu atau lebih fungsi atau aktiviti Jabatan, atau berkaitan langsung dengannya.

Tentang pemungutan maklumat sensitif, Akta Privasi membenarkan Jabatan untuk memungut maklumat sensitif dalam keadaan tertentu, termasuk:

- jika anda mengizinkan dan maklumat itu secara munasabah perlu untuk salah satu atau lebih fungsi atau aktiviti Jabatan, atau berkaitan langsung dengannya, atau
- pemungutan maklumat itu munasabah diperlukan untuk satu atau lebih aktiviti penguatkuasaan kami, atau berkaitan langsung dengannya.

Apa tujuan kami memungut maklumat peribadi anda

Fungsi dan aktiviti kami sangat luas, meliputi fungsi yang disenaraikan di bahagian 'The Department – who we are/what we do' (Jabatan – siapa kami/apa yang kami lakukan) di atas. Penerangan lanjut tersedia melalui bahagian 'About us' (Tentang kami) di **laman web** Jabatan **Who we are (homeaffairs.gov.au)**.

Tidak praktikal untuk menyenaraikan semua tujuan khusus kami memungut maklumat peribadi, tetapi termasuk tujuan-tujuan berikut:

- Visa dan migrasi termasuk pematuhan visa
- Kastam, eksais dan cukai
- Bantuan orang pelarian dan kemanusiaan
- Perkhidmatan mastautin
- Program Bahasa Inggeris Migran Dewasa
- Pengurusan sempadan
- Taraf imigresen atau penahanan
- Kewarganegaraan
- Penguatkuasaan undang-undang
- Keselamatan Negara
- Keselamatan Pengangkutan termasuk keselamatan lapangan terbang dan maritim serta pengurusan akses
- Pengurusan darurat Kerajaan Persekutuan
- Penggajian kakitangan jabatan

Maklumat peribadi anda akan digunakan untuk tujuan utama, iaitu pemungutan maklumat, atau tujuan sekunder jika dibenarkan oleh Akta Privasi atau dengan cara lain diberi kuasa oleh perundangan.

Kecerdasan Buatan

Disebabkan Jabatan menggunakan AI, termasuk AI generatif, analitik termaju, automasi dan pembuatan keputusan automatik (ADM), bagi menyokong fungsi operasi, pengurusan risiko dan aktiviti pentadbiran, maklumat peribadi anda mungkin diproses menggunakan teknologi AI. Aktiviti tersebut mungkin termasuk perkara yang digariskan dalam notis privasi ini.

Jabatan hanya akan menggunakan produk AI yang diluluskan dan telah dinilai sesuai untuk persekitaran kami yang terjamin selamat.

Alat produktiviti AI generatif perusahaan boleh digunakan berkaitan dengan aktiviti jabatan bagi kes penggunaan yang diluluskan, misalnya untuk:

- Menyimpulkan maklumat yang anda berikan
- Menyimpulkan maklumat yang dikumpulkan daripada pihak ketiga
- Menyiapkan laporan
- Menyelidik dan menganalisis
- Menyiapkan surat-surat
- Menyokong produktiviti tempat kerja

Apabila AI digunakan, kakitangan jabatan akan meninjau semula output AI itu bagi memastikan output itu tepat, kemas kini, lengkap dan relevan sebelum digunakan atau didedahkan, termasuk dalam pembuatan keputusan.

Apabila memproses maklumat peribadi anda menggunakan AI, Jabatan hanya akan berbuat demikian sejajar dengan Akta Privasi atau jika dibenarkan dengan cara lain oleh perundangan.

Untuk penerangan lanjut tentang cara Jabatan menggunakan teknologi AI, lihat AI Transparency Statement (Pernyataan Ketelusan AI) kami di

<https://www.homeaffairs.gov.au/access-and-accountability/our-commitments/plans-and-charters/our-service-charters/ai-transparency-statement>

Untuk penerangan lanjut tentang penggunaan AI oleh kami dan pengendalian maklumat peribadi anda, sila rujuk Privacy Policy (Dasar Privasi) kami

<https://www.homeaffairs.gov.au/access-and-accountability/our-commitments/privacy>

Apa akibatnya jika maklumat peribadi anda tidak dipungut oleh Jabatan

Jika maklumat peribadi anda tidak dipungut, kami mungkin tidak dapat memproses permohonan anda (misalnya permohonan visa), menentukan kelayakan anda untuk perkhidmatan kami, atau memenuhi kewajipan berkanun, kewajipan berhati-hati kami, ataupun komitmen antarabangsa Australia. Ini mungkin menyebabkan anda tidak dibenarkan masuk ke Australia, permohonan ditolak atau anda tidak layak mendapat perkhidmatan (antara lain).

Pendedahan Maklumat Peribadi

Maklumat peribadi yang kami pungut bagi keperluan fungsi dan aktiviti kami mungkin didedahkan kepada pihak ketiga dan organisasi kerajaan lain dalam beberapa keadaan sejajar dengan Akta Privasi. Di bawah ialah beberapa kategori yang paling lazim.

Pendedahan kepada wakil yang dinamakan

Anda boleh menamakan seseorang yang kami boleh dedahkan maklumat peribadi anda, seperti ahli keluarga, ejen migrasi, broker kastam, penaja atau peguam cara yang mewakili anda.

Pendedahan yang diberi kuasa

Dalam keadaan tertentu, kami diberi kuasa atau dibenarkan di bawah undang-undang Australia untuk mendedahkan maklumat peribadi, termasuk kepada agensi Kerajaan Australia yang lain, serta agensi negeri dan wilayah.

Peruntukan undang-undang pendedahan data yang paling penting bagi Jabatan ialah Bahagian 4A Akta Migrasi, seksyen 43 Akta Kewarganegaraan dan Bahagian 6 *Australian Border Force Act 2015* (Akta Pasukan Sempadan Australia 2015).

Contohnya termasuk pendedahan untuk membantu mengesahkan pengenalan anda, memastikan kesahihan dokumen yang anda kemukakan kepada kami atau agensi lain, atau memadankan data atau dengan cara lain membantu agensi melaksanakan pematuhan sendiri atau fungsi berkanun yang lain.

Pendedahan kepada agensi kerajaan yang lain

Agensi kerajaan yang Jabatan boleh dedahkan maklumat peribadi termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Services Australia (Perkhidmatan Australia), bagi keperluan undang-undang seperti *Social Security Act 1991* (Akta Keselamatan Sosial 1991), *Child Support (Assessment) Act 1989* (Akta Nafkah Anak (Penaksiran) 1989) dan *Child Support (Registration and Collection) Act 1988* (Akta Nafkah Anak (Pendaftaran dan Pemungutan) 1988), *Health Insurance Act 1973* (Akta Insurans Kesihatan 1973) serta *Taxation Administration Act 1953* (Akta Pentadbiran Cukai 1953)
- Department of Social Services (Jabatan Perkhidmatan Sosial)
- Department of Agriculture, Fisheries and Forestry (Jabatan Pertanian, Perikanan dan Perhutanan) bagi mengelola sistem biokeselamatan Australia dan bagi keperluan undang-undang seperti *Biosecurity Act 2015*, *Export Control Act 2020*, *Imported Food Control Act 1992* (Akta Biokeselamatan 2015, Akta Kawalan Eksport 2020, Akta Kawalan Makanan Import 1992) serta *Illegal Logging Prohibition Act 2012* (Akta Larangan Pembalakan Haram 2012)
- Therapeutic Goods Administration (Pentadbiran Barangan Terapi), bagi keperluan *Therapeutic Goods Act 1989* (Akta Barangan Terapi 1989)

- Sport Integrity Australia (Badan Integriti Sukan Australia), bagi keperluan National Anti-Doping Scheme (Skim Anti Dadah Sukan Negara)
- Department of Education (Jabatan Pendidikan), bagi keperluan undang-undang seperti *Education Services for Overseas Students Act 2000* (Akta Perkhidmatan Pendidikan bagi Pelajar Asing 2000)
- Department of Employment and Workplace Relations (Jabatan Guna Tenaga dan Hubungan Tempat Kerja) bagi keperluan undang-undang seperti *Work Health and Safety Act 2011* (Akta Kesihatan dan Keselamatan Kerja 2011), memadankan data tentang perkhidmatan pekerjaan dan menentukan impak komponen tempat kerja yang diusulkan bagi pasaran buruh Australia; serta bagi keperluan yang terkait dengan pembangunan program, inisiatif Australian Skills Guarantee dan dasar berkaitan pemerolehan
- Department of Veterans' Affairs (Jabatan Ehwal Bekas Tentera), bagi keperluan undang-undang seperti *Veterans' Entitlements Act 1986* (Akta Hak Istimewa Bekas Tentera 1986)
- Australian Taxation Office (Pejabat Pencukaian Australia), bagi keperluan *Income Tax Assessment Act 1997* (Akta Taksiran Cukai Pendapatan 1997) dan undang-undang pencukaian lain
- Department of Foreign Affairs and Trade (Jabatan Luar Negeri dan Perdagangan), bagi keperluan undang-undang seperti *Australian Passports Act 2005* (Akta Pasport Australia 2005) dan mendapatkan maklumat negara bagi memproses visa perlindungan, serta pasport asing yang mungkin dipegang oleh anda sebagai warga dua negara
- Department of Defence (Jabatan Pertahanan), bagi menguruskan pelbagai program visa pelajar sektor Pertahanan dan bagi keperluan *Defence Trade Controls Act 2012* (Akta Kawalan Perdagangan Pertahanan 2012)
- Attorney-General's Department (Jabatan Peguam Negara), bagi keperluan undang-undang seperti *Criminal Code Act 1995* (Akta Kanun Jenayah 1995)
- Department of Climate Change, Energy, the Environment and Water (Jabatan Perubahan Iklim, Tenaga, Alam Sekitar dan Air), bagi keperluan undang-undang seperti *Environment Protection and Biodiversity Conservation Act 1999*, *Ozone Protection and Synthetic Greenhouse Gas Management Act 1989*, *Hazardous Waste (Regulation of Exports and Imports) Act 1989* (Akta Perlindungan Alam Sekitar dan Pemuliharaan Biokeragaman 1999, Akta Perlindungan Ozon dan Pengurusan Gas Rumah Kaca Sintetik 1989, Akta Bahan Buangan Berbahaya (Kawal Selia Eksport dan Import) 1989), serta *Recycling and Waste Reduction Act 2020*, *Product Emissions Standards Act 2017* (Akta Kitar Semula dan Pengurangan Bahan Buangan 2020, Akta Piawai Emisi Produk 2017)
- Department of Infrastructure, Transport, Regional Development, Communications, Sport and the Arts (Jabatan Infrastruktur, Pengangkutan, Pembangunan Rantau, Komunikasi, Sukan dan Kesenian) bagi keperluan undang-undang seperti *Road Vehicle Standards Act 2018* (Akta Piawai Kenderaan Jalan Raya 2018)
- Australian Electoral Commission (Suruhanjaya Pilihan Raya Australia), bagi keperluan *Commonwealth Electoral Act 1918* (Akta Pilihan Raya Persekutuan 1918)
- Australian Bureau of Statistics (Biro Statistik Australia), bagi Aset Data Bersepadu Tahap Peribadi dan statistik tentang perjalanan antarabangsa datang dan pergi dari Australia
- Department of Industry, Science and Resources (Jabatan Industri, Sains dan Sumber), bagi pelbagai skim konsesi industri

- Australian Pesticides and Veterinary Medicines Authority (Pihak Berkuasa Pestisid dan Perubatan Veterinar) bagi keperluan *Agricultural and Veterinary Chemicals (Administration) Act 1992* (Akta Bahan Kimia Pertanian dan Veterinar (Pentadbiran) 1992)
- Australian Trade and Investment Commission (Austrade), bagi keperluan undang-undang seperti *Australian Trade and Investment Commission Act 1985* (Akta Suruhanjaya Perdagangan dan Pelaburan Australia 1985) dan bagi keperluan yang berkaitan dengan perdagangan dan rantai bekalan antarabangsa

Pendedahan untuk aktiviti berkaitan penguatkuasaan

Kami mendedahkan maklumat peribadi kepada agensi atau badan penguatkuasaan Australia (Kerajaan Australia, negeri dan wilayah) dan asing jika munasabah diperlukan untuk aktiviti berkaitan penguatkuasaan yang dijalankan oleh atau bagi pihak badan penguatkuasaan dalam negeri, termasuk pencegahan, pengesanan, penyiasatan dan pendakwaan atau hukuman bagi kesalahan jenayah. Aktiviti penguatkuasaan juga termasuk membantu persiapan atau menjalankan prosiding di hadapan mana-mana mahkamah atau tribunal (termasuk prosiding Koroner).

Pendedahan kepada pihak berkuasa berkanun dan pegawainya

Kami mendedahkan maklumat peribadi kepada badan-badan seperti:

- Commonwealth Ombudsman (Ombudsman Persekutuan)
- Office of the Australian Information Commissioner (Pejabat Pesuruhjaya Maklumat Australia)
- Australian National Audit Office (Pejabat Audit Negara Australia)
- Australian Human Rights Commission (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Australia)
- Fair Work Ombudsman (Ombudsman Kerja Saksama)
- Australian Industrial Chemicals Introduction Scheme (Skim Pengenaln Bahan Kimia Industri Australia)

Pendedahan berkaitan kesihatan dan keselamatan

Maklumat peribadi anda mungkin diberikan kepada agensi kesihatan kerajaan dan pembekal perubatan berkaitan dengan pertimbangan visa dan pengurusan risiko kesihatan awam.

Maklumat peribadi anda juga mungkin diberikan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang atau perkhidmatan kecemasan Australia sekiranya perlu bagi mengurangkan atau mencegah ancaman serius kepada nyawa, kesihatan atau keselamatan orang, atau kesihatan atau keselamatan awam.

Pendedahan - Lain

Pada umumnya, Jabatan boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada berbagai-bagai badan sejajar dengan Akta Privasi, termasuk:

- agensi dan badan pendidikan dan pekerjaan sehubungan dengan program latihan atau pengajian di Australia
- majikan atau pembekal buruh, tentang status penghijrahan, kelayakan kerja dan visa anda
- pembekal perkhidmatan berkontrak, termasuk di bawah Humanitarian Settlement Program, Australian Cultural Orientation Program dan Assisted Passage Program (Program Mastautin Kemanusiaan, Program Orientasi Budaya Australia, Program Penghijrahan Berbantu)
- Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Orang Pelarian
- Persatuan Palang Merah Australia dan Antarabangsa

- penjara negeri dan wilayah bagi keperluan pemindahan dan mengesahkan status imigresen
- agensi dan organisasi kebajikan kanak-kanak negeri dan wilayah
- kedutaan, suruhanjaya tinggi dan pejabat konsul negara lain
- agensi serta pihak ketiga dan badan penyelidikan berkontrak, bagi keperluan penyelidikan, penyiasatan dan analisis untuk pembangunan dan/atau kemajuan dasar dan/atau program
- agensi kerajaan dan organisasi Australia serta organisasi antarabangsa yang memegang peranan penyelarasan dalam acara antarabangsa utama seperti pertandingan sukan utama serta mesyuarat ketua-ketua negara antarabangsa
- Ahli Parlimen persekutuan, negeri dan wilayah, majlis kerajaan tempatan, organisasi dan pegawai kerajaan yang mempunyai peranan dalam kewarganegaraan, anugerah dan acara berkaitan serta menyambut warga baharu secara rasmi
- anggota industri bagi keperluan mencegah atau menangani pengimportan barangan terlarang ke Australia
- National Emergency Management Agency (Agensi Pengurusan Kecemasan Kebangsaan).

Pendedahan di daftar yang tersedia kepada umum

Jabatan menyelenggarakan beberapa daftar untuk maklumat awam yang mungkin termasuk maklumat peribadi. Daftar tersebut termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- Public Register of Approved Sponsors (Daftar Awam bagi Penaja yang Diluluskan)
- Prohibited Employer Register (Daftar Majikan Terlarang)
- Register of Migration Agents (Daftar Ejen Migrasi)
- Labour Agreements Register (Daftar Perjanjian Buruh)
- Gifts and Benefits Register (Daftar Hadiah dan Manfaat)
- FOI Disclosure Logs (Log Pendedahan FOI)

Pendedahan kepada penerima di luar negara

Disebabkan fungsi dan aktivitinya, Jabatan juga boleh mendedahkan maklumat peribadi kepada penerima di luar negara.

Pada lazimnya, maklumat ini akan didedahkan kepada pegawai di/dari negara asal atau kediaman biasa anda (kecuali anda membuat tuntutan supaya dilindungi daripada negara tersebut dan sedang menunggu selesainya penilaian atas tuntutan tersebut). Jabatan juga mendedahkan maklumat peribadi kepada negara atau organisasi yang mempunyai perjanjian dengan Australia. Negara tersebut termasuk namun tidak terhad kepada United Kingdom, New Zealand, Kanada dan Amerika Syarikat, serta organisasi antarabangsa yang disenaraikan di bawah 'Pendedahan – Lain'.

Laman utama www.homeaffairs.gov.au

**Talian
pertanyaan
am**

Anda dapat menghubungi Global Service Centre (GSC) (Pusat Khidmat Sedunia (GSC)) kami hari Isnin hingga Jumaat, 9 pagi hingga 5 petang waktu tempatan anda. GSC ditutup pada Hari Kelepasan Am Australian.

Di Australia telefon 131 881

Di Luar Australia telefon +61 2 6196 0196